

## **Penerapan Kemahiran Insaniah bagi Domain Afektif Kemahiran Komunikasi, Sepanjang Hayat, Sosial dan Kepimpinan untuk Kemenjadian Siswa Universiti**

*Application of Human Skills For The Affective Domain of Communication Skills, Throughout Life, Social And Leadership For The Being A University Student*

Azhar Md Sabil,  
[azhar.sabil@upm.edu.my](mailto:azhar.sabil@upm.edu.my)  
Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia

Abdul Rasid Jamian,  
[rasid.jamian@fbk.upsi.edu.my](mailto:rasid.jamian@fbk.upsi.edu.my)  
Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris

Shamsuddin Othman,  
[s\\_shamsudin@upm.edu.my](mailto:s_shamsudin@upm.edu.my)  
Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia

Rozita Radiah Said,  
[radhiahrozita@upm.edu.my](mailto:radhiahrozita@upm.edu.my)  
Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia

Tajularipin Sulaiman,  
[tajulas@upm.edu.my](mailto:tajulas@upm.edu.my)  
Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia

Zarien Nurlieyana Aminuddin  
[eizlieyana@gmail.com](mailto:eizlieyana@gmail.com)  
Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia

**Received:** 08 December 2020; **Accepted:** 29 April 2021; **Published:** 31 May 2021

**To cite this article (APA):** Md Sabil, A., Jamian, A. R., Othman, S., Said, R. R., Sulaiman, T., & Aminuddin, Z. N. (2021). Penerapan Kemahiran Insaniah bagi Domain Afektif Kemahiran Komunikasi, Sepanjang Hayat, Sosial dan Kepimpinan untuk Kemenjadian Siswa Universiti. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(1), 105-119. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.1.8.2021>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.1.8.2021>

### **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti penerapan domain afektif untuk membentuk keberkesanan perwatakan yang baik. Domain ini merangkumi perasaan, rohani, tanggungjawab, keinginan, menghargai dan memahami dalam kalangan pelajar di institut pendidikan tinggi. Pensyarah memainkan peranan penting untuk menghasilkan kemenjadian pelajar agar seimbang dengan penghayatan pengajaran dan pembelajaran di universiti. Responden kajian melibatkan tujuh kumpulan, iaitu lima orang pelajar bachelo pendidikan tahun akhir bagi setiap kumpulan dengan mengambil kira tujuh program dalam bidang di Fakulti Pengajian Pendidikan. Reka bentuk kajian ini ialah kajian kes dengan satu lokasi dan menggunakan kaedah kualitatif, iaitu temu bual berkumpulan secara separa berstruktur. Dapatan kajian menunjukkan, pelajar bachelo pendidikan mempunyai domain afektif secara langsung dalam

pengajaran dan pembelajaran dengan menerapkan kemahiran insaniah, iaitu kemahiran komunikasi, pemikiran kritis dan menyelesaikan masalah, kerja berkumpulan, pembelajaran berterusan dan pengurusan, keusahawanan, etika dan moral dan juga kepimpinan. Hasil analisa temu bual menunjukkan bahawa mereka memahami dan menerapkan kemahiran insaniah dan domain afektif dalam diri sewaktu dalam kuliah dan di kolej kediaman bagi pengurusan diri, pembelajaran dan kerja berpasukan. Implikasi kajian ini mendapati pelajar bachelo pendidikan berupaya melahirkan pelajar universiti yang seimbang serta harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan fizikal berasaskan pegangan teguh dan kepercayaan kepada Tuhan bersesuaian dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

**Kata kunci:** Kemahiran Insaniah, domain afektif, komunikasi, sepanjang hayat, sosial, tanggungjawab, pengurusan diri.

## **ABSTRACT**

*This study aims to identify the application of affective domains to form good characterization effectiveness. This domain encompasses feelings, spirituality, responsibility, desire, appreciation and understanding among students in institutes of higher education. Lecturers as model a important role in producing students to be balanced with the appreciation of teaching and learning at the university. The respondents of the study involved seven groups, namely five final year bachelor of education students for each group taking into account seven programs in the field at the Faculty of Educational Studies. The design of this study is a case study with one location and uses a qualitative method that is a semi-structured group interview. Findings show that bachelor of education students have a direct affective domain in teaching and learning by applying soft skills, namely communication skills, critical thinking and problem solving, group work, continuous learning and management, entrepreneurship, ethics and morals and even leadership. The results of the interview analysis show that they understand and apply soft skills and affective domains in themselves during lectures and in residential colleges for self-management, learning and teamwork. In conclusion, this study found that bachelor of education students are able to produce individuals who are balanced and harmonious in terms of intellectual, spiritual, emotional and physical based on a firm belief and belief in God in accordance with the National Education Philosophy.*

**Key Words:** Education, Soft skills, Communication Skills, Critical Thinking, Affective Domain

## **PENGENALAN**

Kemahiran insaniah (KI) merupakan satu elemen yang menggunakan kemahiran generik yang merentasi pelbagai domain pembelajaran. Elemen ini merangkumi aspek keperibadian dan kerja secara berkumpulan. Kemahiran insaniah (KI) merangkumi aspek-aspek kemahiran generik. Kemahiran generik (KG) adalah satu kemahiran yang penting dalam melahirkan pekerja yang kompeten apabila memasuki alam kerjaya yang sebenar (Azman & Azreen Harina, 2008). Kementerian Pengajian Tinggi (2006), menyatakan bahawa KI pelajar terdiri daripada penguasaan kemahiran seperti kepimpinan, kerjasama berpasukan, komunikasi dan pembelajaran berterusan. Terdapat pandangan yang tepat bagi terma KI seperti personaliti individu, berkomunikasi, bersosial, berdaya tahan dan berinovatif. Di universiti, pendidikan menerapkan domain afektif bukan hanya tertumpu kepada pensyarah sahaja namun dapat dilihat dalam membina keperibadian pelajar dengan mempunyai keberkesanan dalam pembelajaran sepanjang di kampus (Soetam Rizky Wicaksono, 2011). Oleh itu, kajian ini mengkaji penaksiran tentang domain afektif terhadap pelajar-pelajar bachelo pendidikan. Kajian ini meninjau KG yang melibatkan domain afektif yang merangkumi aspek keperibadian pelajar.

Penilaian dalam bidang pendidikan diukur dengan tiga domain utama, iaitu domain kognitif, domain afektif dan domain psikomotor. Pentaksiran ini selari dengan falsafah Pendidikan Kebangsaan. Menurut falsafah pendidikan negara menyatakan bahawa:

*“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembang lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang*

*seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara”*

(Falsafah Pendidikan Kebangsaan, 2008)

Dasar Pendidikan Kebangsaan (DPK) pula bertujuan untuk melahirkan satu masyarakat yang bersatu padu dan berdisiplin serta memenuhi keperluan tenaga rakyat yang terlatih bagi mencapai pembangunan negara. DPK mempunyai peranan penting bagi menjayakan wawasan negara melalui pendidikan demi mencapai taraf negara maju sepenuhnya daripada aspek kemajuan ekonomi, keadilan sosial, kekuatan rohani, moral dan etika ke arah mewujudkan suatu masyarakat yang bersatu padu, demokratik, liberal dan dinamik.

## **PENYATAAN MASALAH**

Kajian mengenai kemahiran insaniah pelajar pada masa kini adalah sangat penting kerana memberi banyak faedah bukan sahaja kepada institusi pengajian tempatan di Malaysia malahan institusi-institusi lain turut terlibat dalam masalah ini. Persaingan antara graduan universiti awam dengan universiti swasta serta pelatih institusi kemahiran dalam mendapatkan pekerjaan begitu sengit. Keadaan ini memberi peluang kepada industri pekerjaan dalam memilih tenaga kerja yang memenuhi kehendaknya. Jika dilihat dalam industri pekerjaan pula, majikan pascamoden masa kini bijak memilih pelatih pelbagai kemahiran (*multi-skill*), mempunyai ciri kepimpinan dan berpengetahuan dalam disiplin. Pelajar yang berpotensi dan mahir dalam teknologi maklumat, inovatif serta kreatif menjadi keutamaan. Oleh itu, dalam melahirkan graduan yang memenuhi kehendak pasaran, kurikulum mesti lebih menyeluruh dan mengikut perkembangan teknologi semasa supaya tenaga kerja yang dididik berkebolehan dan berkemahiran untuk bersaing di arena pekerjaan pada masa akan datang

Siswa merupakan antara agen penting dalam pembangunan modal insan. Bagi melahirkan siswa yang mapan, mereka bukan sahaja memerlukan kebijaksanaan kognitif, malah perkembangan afektif seperti pembinaan sahsiah dan karakter perlu ditekankan (Marzuki A, 2007). Bagi mencapai hasil ini, pihak universiti telah mewajibkan pelajar mengambil kursus kokurikulum berkredit bagi membangunkan kemahiran generik dalam diri pelajar (Siti Rahayah et al., 2010). Salah satu program yang kerap dilakukan oleh pelajar ialah program khidmat masyarakat (Latif A.A, 2016).

Kemahiran afektif menekankan kepada nada rasa, emosi atau satu darjah penerimaan atau penolakan yang berubah-ubah daripada perhatian biasa terhadap fenomena tertentu hinggalah kepada ciri-ciri dalaman bagi perwatakan dan suara hati yang konsisten tetapi kompleks. Hasil-hasil penulisan menyatakan kemahiran afektif sebagai motivasi, penghargaan, minat, sikap, apresiasi, nilai, dan emosi. Terdapat lima kategori utama afektif dari yang paling sederhana sampai kompleks iaitu penerimaan, tanggapan, penghargaan, pengorganisasian, dan karakteristik (Sukardi, 2008). Berdasarkan kepada Krathwohl (1964), domain afektif terdiri daripada lima kategori iaitu menerima, memberikan maklum balas, menilai, mengorganisasi, dan menghayati nilai.

Domain afektif (Krathwohl, Bloom, Masia, 1973) termasuklah cara kita menangani sesuatu perkara dengan emosi seperti gerak hati, nilai, penghargaan, keghairahan, motivasi, dan sikap. Lima kategori utama disenaraikan berdasarkan daripada tingkah laku yang biasa ke tingkah laku yang kompleks. Pelajar kurang cerdas dalam kecerdasan visual, kinestetik, muzik dan naturalis berbanding kecerdasan berbentuk afektif seperti kecerdasan rohani, interpersonal dan intrapersonal serta kecerdasan kognitif iaitu kecerdasan logik matematik dan verbal linguistik menunjukkan mereka lebih cenderung ke arah pemikiran yang bersifat akademik dan emosi. Keadaan ini menunjukkan kecerdasan yang dimiliki bersifat bertumpu dan tidak bercapah. Pemikiran bercapah atau lateral bukan vertikal lebih merujuk kepada kecerdasan visual,

kinestetik dan muzik dan boleh menyumbang ke arah pemikiran kreatif serta inovatif. Terdapat kajian yang menunjukkan bahawa pemikiran yang logik tanpa diiringi dengan pemikiran kreatif menyebabkan pelajar Pengajian Islam tidak boleh menjana idea dan sesuatu produk yang kreatif dan inovatif. (Zakaria.S.K, Amir.R, Azman.R & Daud.M.N, 2015).

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif umum kajian ini adalah untuk membina, mengukur dan menilai instrumen domain afektif dalam kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar Bachelo Pendidikan di universiti.

1. mengenal pasti kepentingan domain afektif yang akan dibina dalam kemahiran insaniah membentuk indeks kemahiran insaniah domain afektif pelajar Universiti.
2. menghurai kefahaman pelajar terhadap kepentingan kemahiran insaniah domain afektif dalam kalangan pelajar di Universiti

## **SOALAN KAJIAN**

Soalan kajian ini adalah seperti berikut:

1. Apakah kepentingan domain afektif yang akan dibina dalam kemahiran insaniah membentuk indeks kemahiran insaniah domain afektif pelajar Universiti?
2. Apakah kefahaman pelajar terhadap kepentingan kemahiran insaniah domain afektif dalam kalangan pelajar di Universiti

## **SOROTAN LITERATUR**

Dalam pengajaran dan pembelajaran, pelajar akan mengalami perubahan dalam diri seseorang yang merupakan hasil pengalaman. Perubahan pada seseorang tersebut dapat dilihat pada aspek behaviorisme dan kognitif (Qomari R, 2008). Domain afektif terdiri daripada kemahiran komunikasi yang membantu pelajar untuk menjayakan dan menyiapkan tugas yang diberikan oleh pensyarah. Kemampuan pelajar untuk melaksanakan sesuatu tugas yang mencakupi aspek pengetahuan, keterampilan dan sikap yang didasarkan kepada pengalaman dan pembelajaran yang dilakukan (Othman M, 2011). Selain itu, pelajar berupaya membina, menghasilkan dan memberi pandangan serta idea yang lebih baik pada masa yang singkat. Hal ini kerana, kemahiran komunikasi yang baik dapat meningkatkan kepercayaan antara satu sama lain dan mewujudkan suasana pembelajaran yang positif. Terdapat beberapa cara pengajar yang boleh membentuk interaksi yang efektif di dalam bilik kuliah. Tumpuan pengajaran bukan sekadar memberi maklumat pengajaran dan pembel ajaran (PdP) malah perlu disertai dengan aktiviti yang menggalakkan interaksi dua hala di antara pengajar dengan pelajar di dalam kuliah (Aminuddin Z.N.et.al, 2020).

Berdasarkan Kementerian Pengajian Tinggi (2006), terdapat tujuh kemahiran insaniah yang wajib dikuasai oleh setiap graduan di Malaysia, iaitu:

1. Kemahiran Insaniah 1 : Kemahiran berkomunikasi
2. Kemahiran Insaniah 2 : Pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah
3. Kemahiran Insaniah 3: Kemahiran kerja berpasukan

4. Kemahiran Insaniah 4 : Pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat
5. Kemahiran Insaniah 5 : Kemahiran keusahawan
6. Kemahiran Insaniah 6 : Etika dan moral profesional
7. Kemahiran Insaniah 7 : Kemahiran kepimpinan

Antara kesemua kemahiran insaniah ini, kemahiran berkomunikasi merupakan kemahiran yang utama. Hal ini kerana, kemahiran komunikasi merupakan satu elemen yang sangat penting dalam kehidupan sama ada dari segi komunikasi bersemuka, komunikasi di alam maya, komunikasi dengan menggunakan isyarat, senyuman, bertegur sapa, angguk dan lain-lain, setiap pergerakan merupakan salah satu elemen dalam kemahiran komunikasi. Menurut Suliman.M.S (2021), berapa cadangan meningkatkan serta menyebarkan aktiviti bahasa, sastera dan budaya dalam apa keadaan kerana kemahiran itu adalah penting. Selain itu, kemahiran insaniah bertujuan untuk menyahut saranan Kementerian Pengajian Tinggi agar membudayakan aktiviti penulisan akademik serta penyelidikan yang berimpak.

Menurut Syed Lamsah S. dan Melor (2019), untuk menguasai kemahiran-kemahiran lain yang lebih kompleks memerlukan penguasaan kemahiran komunikasi agar penyampaian maklumat yang berkesan dapat dicapai, selain berupaya membina hubungan sesama manusia. Bukan sahaja kemahiran berkomunikasi penting di kampus, tetapi di alam perkerjaan. Selepas pelajar bergraduasi, kemahiran berkomunikasi akan diterapkan sepenuhnya terutamanya di alam pekerjaan. Kajian Mark Luna S. (2016), mendapati bahawa terdapat lebih kurang 40% graduan baharu tidak dapat pekerjaan disebabkan oleh faktor komunikasi yang melibatkan faktor personaliti lemah, kurang berkeyakinan, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran komunikasi dan penguasaan bahasa yang lemah.

Elemen tambahan yang diperlukan oleh majikan hari ini ialah kemahiran insaniah atau modal insan yang dimiliki oleh graduan. Antara elemen kemahiran insaniah yang perlu dimiliki oleh setiap graduan pada hari ini ialah kemahiran komunikasi, kemahiran afektif, pemikiran kritis, pembelajaran sepanjang hayat, kemahiran kerja berpasukan, kemahiran keusahawanan, etika dan nilai profesional dan kemahiran kepimpinan (Sabran M.S, Amin S.M, dan Mohamed A, 2008). Sehubungan dengan Lonjakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) telah meletakkan graduan holistik, keusahawanan dan seimbang di lonjakan pertama dalam misi dan aspirasi negara. Hal ini jelas menunjukkan bahawa pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan negara khususnya menekankan ke arah kemenjadian graduan yang unggul dalam semua domain iaitu kognitif, psikomotor, dan juga afektif (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Sehingga hari ini penilaian domain afektif hanya terhad kepada aras pencapaian sehingga aras 3 daripada 5 keseluruhannya (Shatar M.S & Fauzi M, 2014).

Wrahatnolo dan Munoto (2018) menyatakan bahawa penerapan kemahiran abad ke-21 dalam kurikulum pendidikan merupakan sesuatu yang mencabar. Namun begitu, pelaksanaannya boleh dilakukan melalui kursus-kursus yang berfokuskan kepada pembentukan kemahiran belajar dan inovasi. Dengan ini, modal insan yang ingin dibangunkan akan terhasil dan mampu berhadapan dalam dunia global. Dalam usaha membangunkan modal insan yang berkualiti, pemerksaan domain afektif dalam kalangan graduan merupakan perkara yang perlu diberikan keutamaan. Aras pencapaian domain afektif ini perlu dipertingkatkan bagi memastikan graduan yang dilahirkan merupakan graduan yang dinamik dan bersifat global. Oleh hal yang demikian, kajian ini amat perlu bagi membina, mengukur, dan menilai afektif para pelajar universiti sejajar dengan kehendak negara dalam melahirkan generasi yang patriotik

Elemen kemahiran domain afektif berkait rapat dengan kemahiran insaniah iaitu kemahiran kerja berpasukan dan kemahiran etika dan profesional. Kemahiran Insaniah dibina untuk melihat pencapaian keperibadian pelajar bagi mencapai matlamat, visi dan misi universiti agar dapat memupuk nilai bekerjasama antara pelajar. Kemahiran berpasukan pula bermakna bukan hanya melihat kepada kerjasama pelajar malah menerapkan elemen yang mempunyai cara pemikiran pelajar yang lain, idea yang berbeza dan juga membuat keputusan yang berbeza. Kerja berpasukan pelajar untuk tugas yang ditentukan oleh pensyarah dapat membina nilai toleransi antara satu sama lain. Nilai yang diterapkan membantu masyarakat terhadap pendidikan, peruntukan sumber dan infrastruktur, kompetensi, sikap pelajar dan keberkesanan pentadbiran dan pengurusan serta kadar aliran maklumat turut menentukan pencapaian matlamat-matlamat

dalam pendidikan tersebut (Siti Zabidah, 2006). Hal ini penting agar pelajar berupaya memberi sumbangan idea, malah menerima idea antara mereka.

Keperluan pembangunan kemahiran insaniah di institusi pengajian tinggi mula diketengahkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) pada tahun 2006. Pembangunan kemahiran insaniah bukan satu perkara yang baharu, Perdana Menteri iaitu Britain James Callaghan dalam ucapannya pada tahun 1971 di Ruskin College telah menekankan kepentingan kemahiran insaniah dalam sistem pendidikan di Britain (Hayward & Fernandez, 2004). Pembangunan dan pembentukan kemahiran insaniah dilihat sebagai satu cara untuk meningkatkan kualiti modal insan graduan selari dengan keperluan pasaran kerja yang kompetitif. Kebolehpasaran seorang graduan bukan sahaja bergantung pada pencapaian akademik sahaja tetapi perlu bersama-sama dengan kemahiran insaniah (Beard, 2007; Mariana, 2008; Yassin, 2008; Nik Azma, 2011). Majikan mengenal pasti bahawa nilai dan kualiti pekerja sangat mempengaruhi keharmonian di tempat kerja dan membantu pekerja dalam menghadapi setiap perubahan yang berlaku (Brown, 2004; Raybould & Sheedy; Syed Hussain, 2005; Shahrar, 2005; Cox & King, 2006). Sebagai satu aspek kompetensi pekerjaan yang harus dimiliki oleh setiap pekerja, bakal graduan perlu mempunyai kemahiran insaniah supaya menjadi individu yang berketerampilan dan berkeupayaan tinggi dalam dunia pekerjaan yang diceburi. Penilaian kemahiran insaniah ini berdasarkan kebolehan psikomotor dan penghayatan afektif. Justeru, perlu dibina satu instrumen pengukuran penilaian afektif yang lebih bersifat objektif dan tekal bagi menggambarkan personaliti yang sebenarnya. Oleh hal yang demikian, diharap instrumen yang dibina dapat menilai afektif para pelajar universiti sejajar dengan kehendak negara yang ingin mewujudkan generasi yang prihatin tentang jati diri.

Sehubungan dengan itu, etika dan moral profesional untuk meningkatkan sahsiah dan kecemerlangan pelajar yang berilmu, berkualiti dan berbudi. Dalam era globalisasi ini, terdapat pelbagai cabaran dalam dunia pendidikan yang sering melibatkan etika dan moral profesional. Elemen kemahiran insaniah juga terdapat dalam kemahiran berkomunikasi yang menjadi salah satu bidang ilmu yang sangat penting dalam kehidupan seorang pelajar. Kemahiran komunikasi yang baik dapat membina keyakinan pelajar dan membina kepercayaan melalui kemahiran komunikasi yang betul dan bagus. Selain itu, suasana persekitaran pembelajaran pelajar memainkan peranan penting agar hubungan antara pensyarah dengan pelajar akan menjadi lebih erat dan mesra serta mewujudkan keakraban. Hal ini demikian kerana, kemahiran komunikasi banyak digunakan oleh pelajar antara mereka untuk berhubung dan menyelesaikan masalah satu sama lain. Kemahiran komunikasi yang baik dan efektif dapat membantu untuk meningkatkan populariti dan keintiman antara satu sama lain.

Menurut Mohamaed F. (2014), pelajar tahun akhir di Jabatan Teknik dan Kejuruteraan, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) mendapati bahawa elemen-elemen kemahiran insaniah telah diterapkan kepada pelajar-pelajar tersebut melalui kursus kokurikulum. Para pelajar tersebut juga berpendapat bahawa kemahiran komunikasi adalah penting. Penyelidik juga menjelaskan bahawa banyak manfaat yang diperoleh oleh pelajar melalui penglibatan mereka dalam kegiatan kokurikulum kerana kemahiran insaniah berjaya diterapkan bukan sahaja semasa sesi pengajaran dan pembelajaran malah menerusi aktiviti, kemahiran insaniah tersebut dapat dipraktikkan dan ditingkatkan lagi. Sebagai contoh, kemahiran komunikasi dan kemahiran kepimpinan yang telah dipelajari oleh pelajar dari aktiviti atau kursus kokurikulum akan dapat membantu mereka semasa menjadi guru dan ditempatkan di sekolah kelak.


Kajian yang dilaksanakan oleh Hassan M. (2010), bagi meneroka perkaitan pembinaan kecemerlangan diri pimpinan pelajar menerusi penyertaan dalam aktiviti kokurikulum serta hubungan antara aspek kecemerlangan diri bagi pembinaan sahsiah diri dengan kepimpinan dan aktiviti akademik dengan kepimpinan. Terdapatnya maklum balas yang positif daripada responden mengenai pembinaan kepimpinan, aktiviti akademik dan sahsiah diri menerusi aktiviti kokurikulum. Sementara itu, kajian oleh Azman (2007), pula mendapati bahawa aktiviti kokurikulum telah menyumbang dan menyediakan peluang kepada pelajar memperkembang minat serta menimbulkan minat baharu, menekankan konsep kepimpinan, berdikari, kerjasama, dan persahabatan. Ia juga menggalakkan perkembangan moral dan pemantapan kerohanian serta menguatkan fikiran dan kesihatan murid-murid dari segi fizikal. Mohd Tahir (2010), telah menegaskan bahawa kokurikulum adalah wadah yang paling berkesan dalam merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) khususnya dalam konteks melahirkan pelajar yang seimbang dari sudut

jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial (JERIS) seterusnya memberikan kesan positif kepada negara dalam mewujudkan sumber manusia atau modal insan berkemahiran tinggi dan kelas pertama. Daripada kajian tersebut, didapati aspek kepimpinan berada pada tahap tinggi dimama ia merupakan aspek penting yang mempengaruhi seseorang individu pelajar dalam pemilihan untuk menyertai aktiviti kokurikulum di sekolah.

Ahmad S. (2004), berpendapat bahawa kemahiran insaniah sememangnya berjaya diwujudkan dalam aktiviti kokurikulum yang dijalankan di mana-mana institusi khususnya institusi pendidikan. Justeru itu, penerapan kemahiran insaniah sama ada secara langsung mahupun tidak langsung kepada para pelajar patut dilaksanakan menerusi penyediaan kurikulum yang sistematik, metod pengajaran dan pembelajaran yang dipelbagaikan dan penglibatan secara aktif pelajar dalam bidang kokurikulum di sesebuah institusi pengajian. Ini adalah kerana pembangunan kemahiran insaniah dalam diri pelajar dari pendekatan tersebut dapat membantu mereka mengaplikasikannya semasa di alam pekerjaan ada masa akan datang. Melalui kegiatan kokurikulum juga, interaksi antara pelajar dapat dikukuhkan sekaligus memupuk intergasi antara kaum di samping menanam sifat kesopanan, berdisiplin, berdikari, kerajinan bekerja dan patuh kepada undang – undang seterusnya melahirkan pelajar yang berguna kepada negara (KPT, 2006).

### **TEORI PEMBELAJARAN KOLB (1984)**

Kerangka teori seperti Rajah 1 di bawah, merupakan teori pembelajaran berdasarkan Teori Kolb (1984). Menurut Teori Kolb (1984), pembelajaran adalah suatu proses refleksi terhadap pengalaman yang telah diperoleh kemudian ia diterjemahkan kepada teori dan konsep untuk menjadi panduan bagi pengalaman yang baharu. Dalam kerangka teori ini, keempat-empat fasa berada dalam satu kitaran iaitu setiap fasa menjurus kepada aktiviti atau perlakuan yang berbeza untuk menggalakkan dan merangsang pelajar mempelajari cara kaedah dan teknik untuk belajar (*learning to learn*), menghargai ilmu yang dipelajari, meningkatkan kemahiran serta kreativiti. Dalam konteks kajian ini, penglibatan pelajar dari segi kemahiran kepimpinan, komunikasi, kemahiran pembelajaran sepanjang hayat, bersosial dan bertanggungjawab serta kemahiran pengurusan mampu diterapkan sedikit demi sedikit. Selain itu, aspek-aspek pembangunan keterampilan diri seperti jati diri, sabar, disiplin, bermotivasi dan berdaya tahan dari sudut kepimpinan, sahsiah dan kemasyarakatan dalam kalangan pelajar yang terlibat.



Rajah 1: Kerangka Teori Pembelajaran Kolb (1984)

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes dengan kaedah kualitatif temu bual separa berstruktur. Kaedah perbincangan kumpulan fokus (*Focus Group Discussion*) merupakan kaedah kualitatif yang popular untuk mengenal pasti keberkesanan dalam kajian. Melalui kaedah ini, pengkaji memilih sekumpulan pelajar yang mempunyai ciri tertentu untuk mengadakan sesi perbincangan. Pengkaji memilih sampel dari pelajar peringkat bachelo dari program Pengajaran Bahasa Melayu, Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua (*TESL*), Sains Pertanian, Sains Rumah Tangga, Bimbingan dan Kaunseling, Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Pentadbiran, manakala sekumpulan pelajar peringkat sarjana/master dari program Master Pendidikan Bahasa Melayu.

Dalam kajian ini, terdapat tujuh kumpulan pelajar bagi mewakili pelajar tahun akhir ditemu bual oleh seorang fasilitator yang dilantik akan menentukan hala tuju perbincangan tersebut. Kumpulan pelajar boleh menyatakan apa-apa maklumat untuk dijadikan data penting. Kaedah ini memberi peluang untuk berkongsi serta membuat perbandingan tentang pengalaman atau pandangan peserta. Melalui kaedah ini pengkaji akan mendapatkan maklumat daripada pelajar yang dipilih untuk menjadi sampel kajian. Kaedah ini digunakan untuk mendapat kefahaman lebih mendalam tentang kemahiran insaniah domain afektif. Selain itu, kumpulan fokus ini bertujuan untuk mengkaji secara mendalam dan intensif keperluan yang diperlukan untuk pelajar menilai. Tambahan lagi, kaedah ini merupakan suatu strategi untuk memahami sikap dan tingkah laku.

Instrumen kajian dibina berdasarkan pandangan daripada pakar dengan mengadakan bengkel pembinaan item bagi membangunkan protokol temu bual untuk mengumpul data kajian ini. Terdapat tiga konstruk atau bahagian item yang menjadi panduan kepada fasilitator untuk menjalankan pengumpulan data kajian. Konstruk item terdiri daripada latar belakang peserta kajian, pengalaman di kampus dan kepentingan kemahiran insaniah domain afektif. Analisis kajian menggunakan perisian Nvivo untuk menentukan tema dan penentuan maklumat yang telah diberikan oleh peserta kajian. Dengan berdasarkan kata kunci yang telah dikelompokkan, proses pengkodan akan dilakukan. Data-data primer daripada



transkripsi temu bual akan dikodkan secara langsung. Proses pengekodan ini bertujuan untuk melabelkan, menyusun dan mengatur data mentah yang diperolehi.

Seterusnya, pengekodan digunakan untuk menghubungkan antara data dan pentafsiran kepada data-data utama dilakukan pada peringkat awal. Seterusnya, pengekodan peringkat kedua, iaitu pengekodan kategori dilakukan bagi mengelompokkan idea, konsep, hubungan, tindakan dan makna yang sejajar bagi memudahkan tafsiran dilakukan. Semua kategori tersebut akan digabung berdasarkan tema dan idea-idea utam berdasarkan objektif dan persoalan yang telah dirangka. Pada peringkat akhir, suatu penilaian analitikal dilakukan bagi menganalisis semua dapatan sebelum suatu rumusan diperolehi.

## **DAPATAN KAJIAN**


### **Demografi Peserta**

Kajian ini melibatkan pelajar-pelajar tahun akhir bagi setiap kursus bachelo pendidikan di Universiti Putra Malaysia (UPM). Pengkaji akan memilih dalam empat hingga lima orang bagi setiap kumpulan mewakili kursus atau bidang bachelo pendidikan. Pengkaji menentukan sampel dalam bidang dan dikumpulkan menjadi satu kumpulan untuk mendapatkan maklumat kemahiran insaniah dalam domain afektif. Kepelbagaian pelajar yang telah dikenal pasti terdiri daripada pelbagai latar belakang sosioekonomi keluarga (SES).

Selain itu, pelajar bachelo pendidikan ini mempunyai pelbagai bangsa yang terdiri dari Melayu, Cina, India dan kaum etnik lain Sabah dan Sarawak. Mereka juga tergolong dari pelbagai latar belakang keluarga seperti dari bandar dan luar bandar seluruh Malaysia.

### **Dapatan Kajian Domain Afektif**

Kajian ini memfokuskan kepada empat ciri domain afektif yang dianalisis menggunakan atlas ti iaitu kemahiran komunikasi, kemahiran sosial dan tanggungjawab, kemahiran sepanjang hayat dan kemahiran kepimpinan. Merujuk Rajah 2 di bawah, dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar yang berupaya melontarkan pandangan tentang domain afektif dengan jelas dan yakin.



**Rajah 2:** Kerangka Hasil Dapatan Kemahiran Insaniah Domain Afektif

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat pandangan daripada peserta kajian berdasarkan temu bual yang telah dijalankan. Oleh itu, pengkaji menghuraikan pandangan berdasarkan berikut:

1. Sejauh manakah kepentingan kemahiran komunikasi kepada pelajar di universiti?

**PK1**

*Komunikasi memang penting dalam seharian saya ke kuliah, kolej dan berurusan dengan pentadbir serta pensyarah. Saya guna komunikasi ini secara bersopan santun, tertib, ikut kepada situasi. Jika bercakap dengan pensyarah ada cara dan gayanya, jika bercakap dengan rakan-rakan ada gayanya. Jadi komunikasi ini memang seharian kita guna. Di kampus ni juga pensyarah ada mengajar cara berkomunikasi dengan baik supaya kita keluar nanti dapat kita guna semasa di alam perkerjaan.*

**PK2**

*Semua orang kena tahu, sebab kita ni pun sebagai seorang guru. Komunikasi ini bagi saya perkara yang selalu guna di universiti ni. Pensyarah kita memang ada ajar macam mana kita bercakap, berkomunikasi dan berinteraksi dengan rakan-rakan. Perkara ini saya rasa penting supaya dapat membentuk keperibadian kepada diri kita.*

**PK3**

*Di kampus ini, kami guna komunikasi untuk bertanya dengan pensyarah, soal jawab, perbincangan antara rakan, tugas, kerja di kolej, aktiviti berkumpulan dan dengan bahagian pentadbir universiti. Komunikasi ni kami semua dipupuk dari zaman sekolah lagi, hingga ke universiti ini pensyarah juga menggalakkan kita berkomunikasi tambahan pula dalam aktiviti dalam kuliah dan luar kampus.*

**PK4**

*Komunikasi ini menggalakkan kita semua pelajar di universiti boleh berinteraksi dan mencari pelbagai ilmu di luar dan di dalam kampus. Maksudnya di sini, banyak ilmu pengetahuan yang kita dapat dengan pensyarah, dan banyak juga yang kita dapat di luar waktu pembelajaran seperti kita bersosial, menyiapkan tugas, berjumpa pensyarah, dan di luar kampus. Pensyarah di sini ada berpesan, nasihat, dan memberi panduan bagaimana kita apabila berkomunikasi. Semua ini penting, untuk masa depan kita.*

Menurut kesemua peserta kajian ini memberi maklum balas bahawa kemahiran komunikasi banyak diterapkan dalam kuliah dan di luar kuliah. Hal ini jelas apabila mereka menggunakan kemahiran komunikasi secara menyeluruh antara pensyarah, pentadbir dan rakan-rakan. Kemahiran komunikasi juga banyak diterapkan semasa dalam pengajaran dan pembelajaran untuk mereka semua dapat menyesuaikan diri agar dapat dijadikan panduan semasa di alam perkerjaan nanti. Sebagai contoh, PK1 dan PK2 menyatakan bahawa pembelajaran mereka mempunyai elemen komunikasi semasa dalam tempoh belajar di universiti. Menurut PK2 juga, kemahiran komunikasi ini sangat baik dan dipupuk dalam pengajaran dan pembelajaran kerana mereka semua ini bakal guru di hari akan datang.

2. Sejauh manakah kepentingan kemahiran sosial dan bertanggungjawab kepada pelajar di universiti?

**PK1**

*Bertanggungjawab ini biasanya apabila kita menerima amanah, macam contoh saya di kolej sebagai pengerusi program, saya akan berusaha menjalankan dan memikul tanggungjawab supaya berjalan dengan lancar dan memastikan semuanya berjaya dengan baik. Selain itu, tanggungjawab kita siapkan tugas mengikut masa dan apa yang dikehendaki oleh pensyarah*

**PK2**

*Sememangnya kita di universiti ini pada awalnya mempunyai tanggungjawab iaitu tanggungjawab sebagai pelajar dan belajar di sini. Jadi apa yang diinginkan oleh pensyarah iaitu menyiapkan tugas, membentangkan kerja, mencari bahan dan sebagainya. Itu yang saya rasa satu tanggungjawab sebagai pelajar.*

**PK3**

*Saya di sini mempunyai tanggungjawab dengan kita memastikan satu kursus yang kita ambil di setiap semester kita berjaya tamatkan, bertanggungjawab datang ikut masa kelas, bertanggungjawab dalam tugas berkumpulan dan menyelesaikan tugas itu dengan baik. Dari segi tanggungjawab tu, memang banyak sehingga tamat pengajian.*

**PK4**

*Bagi kami sebagai pelajar, kita bertanggungjawab dalam semua perkara. Macam contoh saya semasa di mobiliti hari tu, jadi kita bertanggungjawab dalam menyelesaikan masalah, mencari jalan keluar untuk selesaikan. Jadi cari punca dan selesaikan dengan baik. Ini dikatakan sebagai tanggungjawab, apabila kita menerima sesuatu itu dan dapat menyelesaikan dengan cara yang baik.*

Menurut kesemua peserta kajian menyatakan bahawa kemahiran bertanggungjawab ini merupakan elemen yang sangat penting. Sebagai contoh PK3 dan PK4 mereka bertanggungjawab dalam menyiapkan tugas mengikut tempoh yang ditetapkan oleh pensyarah, menyelesaikan masalah atau isu semasa dalam pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, menurut PK1 dan PK2 mereka berpendapat bahawa kemahiran bertanggungjawab ini ada ketika mencari idea untuk menyempurnakan tugas dan aktiviti agar dapat menghasilkan dengan baik bersama-sama rakan-rakan.

3. Sejauh manakah kepentingan kemahiran sepanjang hayat kepada pelajar di universiti?

**PK1**

*Sepanjang hayat ni bagi saya pembelajaran dan pengajaran yang kita ambil di universiti. Kita akan belajar apa yang telah kita terima ilmu itu dan akan belajar pula di kemudian hari ni di bidang pekerjaan pula. contoh menghormati perpaduan, latihan, kursus, pembangunan diri, jadi sukarela, secara tidak langsung memotivasikan diri saya akan buat lebih baik dari sebelum ini dan juga meningkatkan keyakinan diri*

**PK2**

*Ilmu, bagi saya ilmu. Ilmu yang kita belajar setiap kursus tu memang kita belajar dan kita akan guna nanti dipersada pekerjaan. Bagi saya ilmu ini akan berguna walaupun sekarang ini kita tidak sedar tetapi kita akan mengaplikasikan, menggunakan kemahiran, menghafal, mengingati dan mengenal pasti apa yang kita belajar tu dalam bidang pekerjaan. Contoh kita berkerjasama dalam kerja-kerja berpasukan kolej. Secara sukarela kita nak buat.*

**PK3**

*Sepanjang hayat ni macam ilmu setiap kursus kita belajar. kita akan aplikasikan semasa dalam pembelajaran dan kemudian hari masa kita akan mohon kerja dan dalam kerja. Bagi saya apa yang kita belajar sekarang semuanya kita akan guna ilmu sepanjang hayat itu, meningkatkan kualiti hidup, berdikari, merancang dan sesuai dengan keadaan waktu nanti.*

**PK4**

*Bagi saya pembelajaran sepanjang hayat ada kami perolehi dalam setiap kursus. Kami belajar setiap semester kursus-kursus yang didaftarkan, dan pembelajaran itu kami akan dapat dan gunakan di luar kampus atau alam pekerjaan.*

Menurut pendapat keempat-empat peserta kajian menyatakan bahawa pembelajaran sepanjang hayat yang mereka peroleh daripada sumber pembelajaran yang mereka hadiri semasa di dalam bilik darjah. Hal ini kerana, peserta kajian berpendapat bahawa, kemahiran sepanjang hayat ini mereka akan gunakan apabila setelah tamat pengajian. Namun ada pendapat PK3 menyatakan bahawa pembelajaran sepanjang hayat ini dapat diaplikasi dan memperbetulkan sikap kita jadi lebih baik semasa dalam tempoh pembelajaran berlangsung.

4. Sejauh manakah kepentingan kemahiran kemahiran kepimpinan kepada pelajar di universiti?

**PK1**

*Kemahiran kepimpinan ni saya perasan apabila saya mengikuti program macam contoh saya dilantik sebagai ketua, ajk, bendahari. Jadi apabila saya ada jawatan ini, kemahiran kepimpinan itu akan ada dalam diri untuk memastikan ia berjalan dengan lancar. Kita juga dapat merancang strategi agar sesuatu itu berjaya, peka dengan persekitaran, hubungan sosial dengan organisasi atau pihak lain, dan mencipta sesuatu yang lebih baik.*

**PK2**

*Setelah beberapa semester yang telah saya ikuti, kemahiran kepimpinan ini saya dapati ada dalam diri saya dan rakan-rakan. Ia dengan semula jadinya ada apabila kita menerima dan memberi sebagai ketua, siapkan tugas, masuk pertandingan, program dan sebagainya. Di samping itu, kepimpinan ini meningkatkan kematangan diri, rasa seperti ada kuasa atau mentadbir, meningkatkan potensi diri dan meningkatkan kemahiran dari segi teknikal dan ilmu teori.*

**PK3**

*Bagi saya kemahiran kepimpinan ini ia berlaku apabila kita bersedia menerima sesuatu kerja itu. Maksudnya ada lah rasa kepimpinan itu untuk kita dapatkan sesuatu kita buat itu memberi kepuasan diri. Ia ada sendiri. Kita akan tahu apabila dapat memupuk keyakinan diri, mengetuai sesuatu program, membimbing, dan menentukan hala tuju.*

**PK4**

*Kepimpinan ada apabila saya dilantik sebagai ketua kelas, ketua pelajar, penolong dan sebagainya. Program yang dianjurkan di universiti ini dari awal saya masuk sini hingga sekarang memang memupuk kemahiran kepimpinan untuk diri saya.*

Menurut keempat-empat peserta kajian mendapati kemahiran kepimpinan diperoleh apabila mereka mempunyai tugas seperti terlibat dengan program atau sebarang bentuk tugas yang diamanahkan. Hal ini menunjukkan, PK1 dan PK2 menyatakan bahawa mereka bertanggungjawab untuk memimpin sesebuah program berjalan dengan lancar dan dapat menyelesaikan dengan jayanya. Menurut PK3 dan PK4 pula, berpendapat bahawa kemahiran kepimpinan dapat menerapkan elemen apabila mereka mula berkerja di luar kampus atau di alam pekerjaan.

## **PERBINCANGAN**

Domain afektif mempunyai kepentingan dalam elemen perasaan, kepercayaan, keyakinan diri dalam membuat keputusan, memberikan pendapat, membentuk personaliti pelajar dan pegangan hidup seorang pelajar. Menurut Krathwohl et.al (1964) menyatakan bahawa domain afektif melibatkan penerimaan, tindak balas, menilai, menyelaras sistem nilai dan mengamalkan sesuatu dengan kompleks. Melalui dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar bachelo pendidikan mempunyai perkembangan pemikiran pelajar yang baik dalam membina pewatakkan diri. Mereka juga aktif dalam pengajaran dan pembelajaran selari dengan pertumbuhan perkembangan fizikal remaja. Oleh itu, domain afektif amat penting dalam diri pelajar agar dapat mencapai tahap prestasi pelajar dan penghayatan diri pelajar. Kementerian IPT dilihat mampu menjana graduan yang memiliki kemahiran yang seimbang dan menyeluruh dari sudut kualiti intelektual serta keterampilan insaniah yang merangkumi aspek sikap, akhlak dan sebagainya (KPT, 2006).

Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa pelajar bachelo pendidikan mempunyai hubungan dengan perasaan, emosi, minat, sikap, penghargaan dan nilai seperti dapat membina keyakinan diri antara satu sama lain. Mereka dapat juga membezakan antara aktiviti di dalam dan di luar bilik darjah,

menghasilkan kepuasan diri dalam sesuatu tugas, dan dapat membuat pemilihan nilai yang tertentu. Menurut Mohd Safarin Nordin dan Muhammad Sukri Saud (2008), kemahiran pelajar yang berusaha melahirkan bakal pelajar yang menjana insan berkualiti melalui pendidikan yang berkualiti.

Aktiviti pengajaran dan pembelajaran seharusnya difokuskan keada pencapaian dalam empat domain utama iaitu pengetahuan (kognitif), kemahiran fizikal (psikomotor), afektif dan sosial. Namun, sistem pendidikan yang sedang diamalkan sekarang hanya berjaya dalam memberikan kemahiran kognitif dan sebahagian besar kemahiran psikomotor yang akhirnya menyebabkan kemahiran insaniah domain afektif dan sosial yang sangat penting untuk pembentukan insan kamil yang seimbang amat ketinggalan jauh. Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran boleh dilaksanakan dengan telah terhadap kaedah pengajaran dan pengajaran berasaskan masalah bagi mendukung pembelajaran abad ke-21 (Mohd Ruhiman Subri, 2019). Kesannya amat nyata apabila produk sistem pendidikan ataupun modal insan yang dibentuk tidak seimbang seperti yang dihasratkan (Faizullah Mohammad, 2014)

Oleh sebab kemahiran insaniah merupakan kemahiran yang amat penting dan diperlukan oleh graduan selain dari pengetahuan akademik walaupun tidak terdapat satu senarai kemahiran yang khusus tentang kemahiran insaniah, mereka seharusnya tahu menilai kemahiran insaniah yang memenuhi dan menepati kehendak pasaran kerja dan kehidupan seharian yang kian mencabar. Usaha negara melahirkan generasi yang cemerlang, kemahiran berfikir merupakan salah satu kemahiran yang perlu dikuasai oleh pelajar (Osman Z., 2015)

Selain itu, pelajar dapat melibatkan diri dalam pelbagai jenis aktiviti kokurikulum. Ini kerana, kokurikulum juga memainkan peranan penting selain menjadi pelengkap kepada kurikulum atau akademik sedia ada pelajar. Dengan gabungan dan peranan yang dimainkan antara kedua-dua elemen kurikulum dan kokurikulum, ia akan dapat memberi nilai tambah atau kemahiran-kemahiran yang tidak dapat dipelajari melalui kurikulum atau akademik. Maka jelaslah bahawa pembinaan kemahiran insaniah berjaya dikuasai oleh pelajar merupakan satu aset yang amat bernilai untuk mereka lebih kompetitif sama ada ketika memohon pekerjaan atau setelah memegang status pekerja. Kesimpulannya, kemahiran afektif sangat dititikberatkan dalam membentuk jati diri negara bangsa. Para pelajar universiti awam yang menghayati kemahiran afektif yang baik akan menjadi pemimpin negara yang amat prihatin pada masa depan.

## **RUJUKAN**

- A. Azman & Harina .(2008). *Penerapan kemahiran generik dalam pengajaran program pendidikan kejuruteraan di politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM)*. Masters thesis, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Amin M. H, Saad. S & Hood Z. (2013). *Penerapan Insaniah Pelajar Prasiswazah, : Analisis Perbezaan Jantina* . Jurnal Teknologi [www.researchgate.net](http://www.researchgate.net)
- Aminuddin, Z. N. L., Md. Sabil, A., & Jamian, A. R. (2020). Teknik interaksi lisan dalam pengajaran kursus Bahasa Melayu di Institut Pendidikan Guru (IPG). *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11(2), 18-32. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.2.2.2020>
- Azman, N. A. (2007). *Peranan Pengetua Sebagai Pengurus Kokurikulum Di Sekolah menengah Daerah Mersing*. Jurnal Teknologi [www.researchgate.net](http://www.researchgate.net)
- Centre of Academic Development (Cade) .(2013). *Assesment of Learning Outcomes –The Guidebook*, Centre for Academic Development (CADe) UPM, (2013), Office of the Deputy Vice Chancellor (academic and International), University Putra Malaysia.
- Ezaida J. & Juliza .(2014). *Penguasaan Kemahiran Insaniah pelajar dalam penglibatan aktiviti kokurikulum badan beruniform di UTHM*. Jurnal Teknologi UTHM
- Hassan, J. & A. Safar, S. (2010). *Pembinaan Kecemerlangan Diri Pimpinan Pelajar Menerusi Penglibatan Dalam Aktiviti Kokurikulum Di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai*. Tesis. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Ismail N., Ismail Y.M & Sattar M. (2009). *Pemupukan Kemahiran „Employability” Pelajar*. Jurnal Teknologi. 50(E) Jun 2009: 113–127.

- Kasa Z., & Konting M.M. (2007). *Penerapan hasil pembelajaran dan kemahiran insaniah dalam kurikulum pengajian tinggi*. Monograf Pengajaran dan Pembelajaran IPTA: Pembangunan modal insan. CADE: UPM Serdang.
- Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (soft Skills) *Institut Pengajian Tinggi Malaysia* .(2006). *Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Universiti Putra Malaysia*.
- Mohamad F. (2014). Penerapan Kemahiran Insaniah dalam Konteks Membina Insan berkempimpinan di dalam kalangan pelajar melalui aktiviti kokurikulum di universiti. [www.researchgate.net](http://www.researchgate.net)
- Mohammad S. Z. (2006). *Kesan Pendekatan Penyelesaian Kemahiran berfikir dan kreatif dalam pengajaran karangan deskriptif dalam kalangan pelajar tingkatan 4*, Ijazah Kedoktoran falfah, UTM.
- Othman M. (2012). *Tahap kompetensi pelajar melaksanakan kerja amali berpandukan Domain Psikomotor Simpson*. Masters thesis, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 .(2013). Kementerian Pendidikan Malaysia. Blue Print.
- Piaw Y.C .(2011). Kaedah dan Statistik Penyelidikan, buku 1, *Kaedah Penyelidikan, Edisi Kedua*, MC Graw Hill, Companies.
- Putra Satria .(2013). Putra Satria, Academic Development (CADE) UPM, (2013), Office of the Deputy Vice Chancellor (academic and International), University Putra Malaysia
- Qamari R. (2008). *Pengembangan Instrumen Evaluasi Domain Afektif*, Jurnal Pemikiran Laternatif Kependidikan, INSANIA, Indonesia
- Ringkasan Eksekutif Program Transformasi Kerajaan – Pelan Hala Tuju 2010: <http://klnportal.kln.gov.my/klnvideo/2010/transformasi>.
- Saud S.M & Nordin. S. M. (2008). *Kemahiran Visualisasi: Kemahiran tahap Tinggi dalam Pendidikan Teknik dan Vokasional*, Seminar Kebangsaan Pendidikan Teknik dan Vokasional.
- Subri M. R., Yaakub R. & Boheran Nudin, A. (2021). Pelaksanaan Pengajaran Guru Cemerlang dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu ketika Pandemik COVID-19: Satu Kajian Kes. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12, 21-32. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.edisikhas.3.2021>
- Suliman M. S., Hiroyuki Y., Ab. Jabar N., Xuan L. Y. & Mat Daud M. S. (2021). Impak Pandemik COVID-19 terhadap Bidang Bahasa, Sastera dan Budaya di Malaysia. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12, 10-20. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.edisikhas.2.2021>
- Syed Lamsah Syed Chear & Melor Md Yunus .(2019). Strategi penerapan kemahiran abad ke-21 dalam latihan guru prasekolah. *Southeast Asia Early Childhood. Journal*, Vol. 8 (1), <http://ejournal.upsi.edu.my/index.php/SAECJ>
- Wicaksono R. S. (2011). Strategi penerapan domain afektif di lingkup perguruan tinggi, *Jurnal pendidikan*, 12 (2), 112-119.
- Wrahatnolo T. & Munoto. (2018). 21st centuries skill implication on educational system. *IOP Conference Series: Materials Science and Engineering*, 296. doi:10.1088/1757-899X/296/1/012036
- Yaacub S. (2005). *Meeting the Employer Needs. Proceedings of National Seminar “The Development of Technology and Technical-Vocational Education and Training in an Era of Globalization: Trend and Issues.”* Kuala Lumpur.